

17/07/2000

Kumpulan teras tangkis pembohongan

PEKAN, Ahad - Umno bercadang menubuhkan kumpulan teras yang dianggotai antara 20 hingga 30 orang di setiap bahagian di seluruh negara, bagi menangkis pembohongan yang dilakukan pembangkang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata ahli kumpulan itu akan diberi latihan supaya menggunakan fakta sebenar dalam menangkis pembohongan pembangkang.

"Mereka akan melaksanakan tanggungjawab itu di bahagian masing-masing," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Membahaskan Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Merasmi dan Menutup Perhimpunan Agung Umno lalu, peringkat Umno bahagian Pekan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, Umno dan Barisan Nasional (BN) perlu tegas dari sekarang untuk mengelak pembangkang terus membuat pelbagai tuduhan terhadap kerajaan.

"Pembangkang menyebarkan pelbagai fitnah dalam majlis ceramah mereka dan kita tidak boleh menunggu sehingga pilihan raya umum akan datang untuk menangkis semua tuduhan itu.

"Kita perlu memperbanyakkan program ceramah dan mempunyai penceramah untuk menjawab pembohongan mereka secara berkesan," katanya.

Beliau mengulas cadangan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, semalam, bahawa pemimpin kerajaan dan BN perlu menghadiri seminar di dalam dan luar negara bagi menjawab tuduhan tidak berasas pembangkang.

Najib berkata, Umno hanya mempunyai kumpulan kecil yang mampu menangkis pembohongan pembangkang secara berkesan dan ini tidak mencukupi.

Justeru, katanya, latihan akan diberikan di semua bahagian.

Malah Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed turut terbabit mengendalikan latihan berkenaan.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya kejadian di Sauk, adalah sandiwara Umno, Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata dakwaan itu tidak berasas.

"Ini adalah satu dakwaan palsu, satu pembohongan amat besar dan tidak masuk akal sama sekali," katanya.

Mengenai laporan muka depan Berita Harian semalam bahawa Ketua Kumpulan Al-Ma'unah, Mohd Amin Mohd Razali, berhasrat mencuri kereta kebal, Najib berkata: "Kita tidak tahu rancangan mereka."

"Janganlah bercakap mengenai kereta kebal kerana kebanyakan mereka tidak tahu menggunakan senjata yang dirompak di Grik. Bagaimanapun, jika benar mahu mencuri kereta kebal, mudahlah bagi kita mengesan pergerakan mereka," katanya.

(END)